

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH / HARI : 6 APRIL 2017 (KHAMIS)

# Bas elektrik realisasikan Shah Alam Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah

Oleh Norrasyidah Arshad  
norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melangkah setapak lagi dalam merealisasikan rancangan menuju ke arah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah menjelang tahun 2030, melalui penawaran perkhidmatan bas elektrik.

Melalui operasi bas berkenaan di bandar raya ini, ia mampu mengurangkan kira-kira sehingga 45 peratus pembebasan karbon di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk

Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata perkhidmatan bas elektrik yang bermula 1 April lalu itu juga mampu menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam, sekali gus mengelakkan kesesakan lalu lintas.

### Selesa pengguna

"Bas elektrik ini mampu memuatkan kapasiti penumpang seramai 67 orang pada satu masa. Ia berkonsepkan bebas halangan bagi memudahkan golongan orang kelainan upaya (OKU) menaikinya malah kita turut menyediakan tempat khas yang lebih selesa untuk mereka.

"Bas ini turut dipasang papan tanda LED, perkhidmatan WiFi per-

cuma bagi memudahkan pengguna melayari internet serta kamera litar tertutup (CCTV)," katanya pada Majlis Turun Padang Bas Elektrik di sini, semalam.

Bas elektrik percuma itu menghubungkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Seksyen 19 ke Seksyen 7 yang melalui kawasan berkepadatan penduduk tinggi di Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 6 dan Seksyen 7.

Ahmad Zaharin berkata, penyediaan perkhidmatan bas elektrik itu dilakukan selepas melihat permintaan tinggi daripada penduduk setempat.

Katanya, berdasarkan rekod, purata penumpang yang menggunakan laluan bas elektrik itu adalah seramai 100,000 orang sebulan.

"Bas elektrik ini akan beroperasi setiap hari Isnin hingga Ahad dari jam 6 pagi hingga 10 malam dengan kekerapan 15 minit," katanya.

Beliau berkata, bas elektrik itu mampu bergerak sejauh 200 kilometer bagi setiap kali ia dicas dan ia mengambil masa lima jam bagi proses pengecasan bateri.

"Untuk menghabiskan 200 km, ia boleh membuat tujuh pusingan laluan. Bas ini lebih jimat berbanding bas yang menggunakan bahan bakar diesel.

"Kita akan melihat maklum balas terhadap bas ini. Sekiranya ia memberi kesan positif, MBSA akan menambah lagi bilangan bas selain menggunakannya di laluan lain," katanya.

→ Khidmat percuma mampu galak orang ramai menggunakan pengangkutan awam



Penyediaan perkhidmatan bas elektrik itu dilakukan selepas melihat permintaan tinggi daripada penduduk setempat."

Ahmad Zaharin Mohd Saad,  
Datuk Bandar Shah Alam



Perkhidmatan bas itu adalah satu usaha yang baik dan perlu dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain."

Rohaidah Baharum,  
Pengguna



Bas ini lebih mesra alam sekitar sesuai konsepnya yang mahu mengurangkan pelepasan karbon"

Nurul Atiqah Azhar,  
Pengguna